

05/01/2000

Adnan janji laksana tugas sebaik mungkin

KUANTAN, Selasa - Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, yang dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang yang baru, berkata beliau akan melaksanakan tugas itu sebaik mungkin.

Justeru, katanya, beliau memerlukan kerjasama daripada semua ahli Umno pelbagai peringkat di negeri ini.

"Saya percaya tugas itu akan menjadi mudah dengan ada Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dalam Badan Perhubungan Umno negeri," katanya.

Beliau ditemui selepas mengadakan perjumpaan dengan lebih 1,000 kakitangan Majlis Perbandaran Kuantan di Dewan Konvensyen Jubli Perak di sini, hari ini.

Di majlis itu, beliau turut mengumumkan pemberian bonus Aidilfitri berjumlah RM568,317 kepada setiap kakitangan MPK.

Semalam, mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan Adnan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri menggantikan Mohd Khalil yang kini Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno.

Mengenai keputusan MT mengesyorkan Dr Mahathir dicalonkan semula sebagai Presiden Umno dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden, Adnan berkata, ia dianggap bijak kerana dapat mengurangkan 'politiking' dan membuktikan Umno serius dalam usaha memantapkan parti.

"Kita juga mahu mendapatkan semula kepercayaan masyarakat Melayu terhadap Umno.

"Bagaimanapun, keputusan itu tidak bermakna tidak ada demokrasi dalam Umno kerana pada pandangan kita, kadang-kadang demokrasi boleh membawa keburukan.

"Apa ertinya demokrasi jika ada pertandingan dan kemudian berpecah. Lebih baik kita mempunyai semangat setiakawan, berkompromi iaitu kita ketepikan sedikit prinsip demokrasi," katanya.

Adnan berkata, Umno Pahang akan mengadakan keputusan secara musyawarah bagi memastikan tidak ada pertandingan bagi kedua-dua jawatan tertinggi itu.

(END)